

31 JAN 1996

Mahathir - Gaji

TAMBAHAN RM96 JUTA UNTUK PASTIKAN SETIAP KAKITANGAN DAPAT FAEDAH

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Kerajaan bersetuju memberi tambahan RM96 juta bagi pembayaran pelarasan gaji kakitangan awam bertujuan memastikan setiap kumpulan perkhidmatan mendapat faedah daripada pelarasan itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata kerajaan cuba menyelesaikan masalah pelarasan gaji dengan menimbangkan secara saksama khidmat yang diberikan oleh semua kakitangan awam.

"Kita tidak boleh beri kepada kumpulan tertentu sahaja tanpa mengambil kira kumpulan lain yang juga berkhidmat dan bertanggungjawab menjayakan pemerintahan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis berbuka puasa bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Balai Felda di sini.

Yang turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor dan pegawai-pegawai kanan KDN.

Kerajaan perlu memberi kepada kumpulan pengurusan tertinggi pelarasan gaji walaupun pada mulanya ia tidak dipersetujui Cuepacs, kata Dr Mahathir semasa diminta mengulas tambahan RM96 juta dan persetujuan Cuepacs dengan tawaran pakej pelarasan gaji itu.

Kakitangan awam mendapat kenaikan gaji antara RM40 dan RM100 dan buat kali pertamanya 655,000 anggota akan menerima imbuhan tetap perumahan RM85 dan RM95 di bawah pakej pelarasan gaji yang diumumkan hari ini.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Dr Mazlan Ahmad semasa mengumumkannya berkata pakej pelarasan untuk 849,586 kakitangan itu membabitkan bayaran RM2,096 juta, pertambahan RM96 juta daripada tawaran asal.

Mengenai had maksimum pembayaran pendahuluan gaji RM650, Dr Mahathir berkata kerajaan perlu mengadakan siling pendahuluan itu bagi mengelakkan mereka khususnya yang bergaji tinggi daripada membayar balik kerana dikhuatiri jumlah pelarasan yang akan diterima kurang daripada bayaran pendahuluan.

"Kalau bayar sebulan gaji...dan sekiranya gaji dia RM1,000 jadi nanti dia kena bayar balik kalau jumlah pelarasan kurang daripada sebulan gaji manakala yang bergaji rendah memang akan dapat sebulan gaji," katanya.

Menjawab satu soalan mengenai kemungkinan peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barang kerana kakitangan kerajaan mendapat pelarasan gaji, Dr Mahathir berkata ia terserah kepada kebijaksanaan pembeli bagi mengawal harga barangan.

"Tidak usah beli jika harga tinggi. Saya berharap mereka janganlah berbelanja terlalu cepat, simpanlah setengah...belilah saham atau saham amanah. Mereka akan dapat lebih banyak duit daripada itu (pelaburan)... belajarlah melabur," katanya.

Beliau berkata sekiranya pengguna membeli tanpa mengira harga, peniaga memang akan mengambil kesempatan menaikkan harga dan kebiasaannya peniaga tidak akan menaikkan harga jika tiada pembeli.

Dr Mahathir juga yakin kakitangan kerajaan akan dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih sempurna setelah mendapat pelarasan gaji baru itu. -- BERNAMA